

NO. SOALAN:40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8292

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa bukankah Kerajaan telah menggunakan pakai dua piawaian berlainan dalam menangani perhimpunan raksasa antara Bersih 4 yang langsung tidak menyentuh sifat perkauman yang sensitif, dan Perhimpunan Baju Merah anjuran PESAKA yang menuntut Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dihapuskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam perkara 10(1)(b), Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Namun hak ini tertakluk kepada apa-apa sekatan yang Parlimen dapat perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, melalui undang-undang yang dibuat oleh Parlimen. Dengan wujudnya Akta Perhimpunan Aman 2012, terdapat beberapa syarat atau sekatan dikenakan bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini dan paling penting adalah menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

Pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012.

Di samping itu, pihak polis tidak membenarkan Perhimpunan BERSIH 4 diadakan atas sebab tidak mematuhi kehendak Akta berkenaan. Pihak pengajur enggan memindahkan tempat berhimpun dan bertegas untuk mengadakannya di lokasi yang tidak dibenarkan serta tidak mendapat persetujuan daripada pemilik premis atau tempat berkenaan.